



LENSA

USAHAWAN



Edisi 1/2017 | PERCUMA

www.risda.gov.my

INFO USAHAWAN BIMBINGAN RISDA

FOKUS : USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA



USAHAWAN BIMBINGAN RISDA JANA PENDAPATAN LUMAYAN

MENJANA USAHAWAN GLOBAL

Jejak
Usahawan
Jaya





Dari Meja KETUA PENGARANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah segala puji ke hadirat Ilahi kerana diberi peluang sekali lagi untuk bertemu di ruangan ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada sidang Buletin "Lensa Usahawan" dan semua warga RISDA dari seluruh Negara yang sama-sama berusaha merealisasikan penerbitan ini yang penuh dengan artikel serta kisah kejayaan yang memberi manfaat kepada para usahawan pekebun kecil.

Edisi kali ini mengetengahkan mengenai usahawan Kategori Kecil dan Sederhana. Untuk makluman, purata pendapatan tahunan untuk usahawan Kategori Kecil ialah antara RM 200,000 hingga RM 1 juta dengan 5 - 19 orang pekerja manakala purata pendapatan tahunan untuk usahawan Kategori Sederhana ialah antara RM 1 juta hingga RM 5 juta dengan 20 - 50 orang pekerja

Setakat tahun 2016, RISDA telah melahirkan seramai 230 orang usahawan Kategori Kecil dan 56 orang usahawan Kategori Sederhana di seluruh negara. Antara usaha RISDA untuk memajukan lagi usahawan dalam kategori ini ialah dengan melaksanakan jaringan strategik dengan kementerian seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Agensi Promosi Perdagangan Kebangsaan Malaysia iaitu Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Bandar (MATRADE) untuk *Go Global*. Sumbangan dan pencapaian usahawan ini dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat pekebun kecil di kawasan sekitar.

Tahniah diucapkan kepada semua usahawan yang telah berjaya dalam bidang masing-masing dan berjaya meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi keluarga pekebun kecil. Semoga terus berjaya sehingga mencapai ke tahap global.

Selamat Maju Jaya!
"Menjana Usahawan Global"
"Leap Beyond Limits"
"Membangunkan Luar Bandar"

EDITORIAL

Penaung

Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad

Penasihat

En. Nasarudin Bin Malek

Ketua Pengarang

Hjh. Halimah binti Abd. Kadir

Editor

Pn. Nor Elina binti Datuk Kamaruddin

Sidang Pengarang

Pn. Jarinah binti Maarof

En. Mohammad Firdaus bin Zulkuffi

Mohd Azman bin Hasan

En. Saiful Asyraffi bin Suhaimi

Pn. Nurulsyuhada binti Ahmad

Jurufoto

Abd. Malek bin Kassim

Nurulsyuhada binti Ahmad

Kami mengalu-alukan sumbangan karya berbentuk penulisan kreatif, foto selain rencana mengenai aktiviti dan peristiwa berkaitan usahawan untuk dimuatkan di dalam Buletin ini yang akan diterbitkan secara dwi setahun.

ISI KANDUNGAN

DARI MEJA KETUA PENGARANG	2
BERMULA DENGAN KERJA KILANG, SEKARANG TUBUH SYARIKAT SENDIRI JANA PENDAPATAN LUMAYAN.....	3
TIADA PENGALAMAN BUKAN HALANGAN UNTUK BERJAYA	4-5
USAHAWANTANI IKAN INTAI SINAR KEJAYAAN	6-7
KEJATUHAN HARGA GETAH BUKAN PENGHALANG	8
AGI IDUP, AGI NGELABAN (SELAGI ADA HAYAT, SELAGI ITU TERUS BERJUANG).....	9
PRODUK BANTAL MENJANA PENDAPATAN LUMAYAN	10-11
PRODUK KELUARAN USAHAWAN RISDA.....	12-13
PELOPOR TEKNOLOGI BARU UNTUK PERTANIAN MODEN.....	14-15
RAJIN DAN USAHA BAWA KEJAYAAN	16-17
BUKAN MUDAH UNTUK BERJAYA	18-19
SEORANG USAHAWAN WANITA YANG CEKAL... TANPA MENGIRA PENAT & LELAH	20-21
REZEKI MELIMPAH SETELAH BERSARA DARI TENTERA.....	22-23





Bermula Dengan Kerja Kilang, SEKARANG TUBUH SYARIKAT SENDIRI JANA PENDAPATAN LUMAYAN



OLEH : MUHAMMAD HAZIM BIN HASHIM, PEJABAT RISDA DAERAH SEGAMAT

PELBAGAI usaha dilakukan untuk meningkatkan penguasaan bumiputera dalam bidang berkemahiran tinggi termasuk bidang teknikal selaras dengan permintaan pasaran kerja.

Pihak RISDA mengambil langkah proaktif menerusi Program Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) menggalakkan bumiputera dalam bidang keusahawanan sama ada yang mempunyai pengalaman yang luas mahupun yang baru menceburinya, memberi bantuan dalam bentuk peralatan dan baik pulih bengkel menarik minat En Kamal bin Manan yang mengusahakan perkhidmatan kimpalan besi

En Kamal bin Manan pada mulanya bekerja di kilang swasta selama 10 tahun, dan mula mendapati bidang keusahawanan mempunyai potensi yang tinggi untuk meningkatkan taraf hidup keluarganya. Berbekalkan pengetahuan dan pengalaman bekerja di syarikat swasta, beliau telah membuat keputusan untuk menubuhkan syarikat yang mengusahakan perkhidmatan kimpalan besi iaitu AUF TEGUH ENTERPRISE. Sikap ingin berjaya pada diri beliau membuatkan perniagaan yang diusahakan terus berkembang. En Kamal pada mulanya menyewa kedai bersaiz sederhana untuk kerja-kerja kimpalan seharian, namun mendapati ruang kerja yang ada amat terhad, lantas membuat keputusan untuk membina baru sebuah bengkel kimpalan besi miliknya yang bersaiz besar dan semua kemudahan asas disediakan kepada pekerja untuk keselesaan mereka membuatkan produk-produk yang dihasilkan cukup berkualiti dan menepati citarasa pelanggan.

Selain daripada itu, dengan peningkatan teknologi di hujung jari, En Kamal Manan telah berfikir secara kreatif bagaimana

untuk memasarkan produk-produk yang dihasilkannya melalui edaran risalah dan Facebook bagi mengiklan dan memasarkan produk beliau. Kerja-kerja pemasangan yang telah siap akan di muat naik ke laman sosial tersebut untuk memastikan produk yang dihasilkan mendapat tempat dihati pelanggan dan masyarakat. Tambahan lagi, strategi pemasaran lain yang dilakukan oleh beliau ialah memberi tumpuan kepada kawasan perumahan yang baru dibina sebagai tarikan kepada pengunjung dan pembeli.

Dengan mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak RISDA seperti kursus kewangan dan jati diri sedikit sebanyak dapat membuka minda dan pengetahuan di dalam bidang perniagaan yang diceburi. Dengan ini beliau telah berjaya menjadi seorang usahawan yang berdaya maju dan mampu memperolehi pendapatan lumayan dengan semangat dan keazaman yang tinggi dan sentiasa berkongsi rezeki bersama adalah kunci sesebuah kejayaan kepada usahawan.

Alhamdulillah, kini En Kamal berpuas hati dengan rezeki dan permintaan daripada pelanggan yang semakin bertambah hasil usaha dan kegigihan serta bantuan yang telah diberikan oleh pelbagai pihak termasuk

RISDA. Kini beliau boleh berbangga kerana dapat mengecapi pendapatan lumayan yang hampir mencecah RM10,000.00 sebulan. Semoga kegigihan dan usaha ini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang.

BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan	: Kamal Bin Manan
Nama & Alamat Syarikat	: AUF Teguh Enterprise Lot 2825, Kg. Melayu Raya, Pogoh, 85000 Segamat, Johor
Nombor Telefon	: 019 726 3351
Penerima Bantuan Risda	: Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan Tahun 2014
Bidang Perusahaan	: Perkhidmatan
Produk	: Kimpalan Besi (Pagar Rumah, Papan Tanda)
Tahun Mula Projek	: 2011
Bilangan Pekerja	: 4 Orang
Pendapatan Tahunan	: RM 80,000.00
Pendapatan Bulanan	: RM 6,500 - RM 10,000.00



Tiada Pengalaman

BUKAN HALANGAN UNTUK BERJAYA

Kayu palet yang dahulunya sering dibuang kini boleh dimanfaatkan dan dikitar semula untuk dijadikan perabot serta perhiasan rumah selain mula mendapat tempat oleh pengusaha-kedai dan pemburu perabot.

Peluang tersebut juga bijak dimanfaatkan oleh salah seorang anak pekebun kecil RISDA yang bekerja sebagai tukang paip dan pendawaian yang mempunyai kemahiran tinggi daripada Bandar IOI, Segamat iaitu Sallehuddin bin Masri, 46, apabila menggunakan kreativiti untuk menghasilkan produk berasaskan kayu palet terpakai bagi menambah pendapatan keluarganya.

Beliau mula menceburi bidang tersebut pada Mac 2014. Pada awalnya hanya sebagai hobi untuk mengisi masa lapang sahaja dan jika tiada tempahan untuk kerja-kerja perpaipan dan pendawaian elektrik daripada pelanggannya. Bermula daripada permintaan salah seorang rakan di Jementah meminta beliau untuk membina sebuah rak bagi meletakkan barang perniagaannya dengan menggunakan bahan berasaskan kayu palet. Beliau mengambil masa selama sebulan setengah untuk menyiapkan tempahannya dengan menggunakan kayu-kayu palet yang ketika itu dikutip daripada tempat pembuangan sampah dan kitar semula.

Menurutnya, hasil dorongan idea dan pandangan daripada rakannya itu juga membuatkan dirinya lebih yakin untuk meneruskan aktiviti pembuatan perabot tersebut dengan modal permulaan yang rendah kira-kira RM1,000.

Menurut beliau lagi, mempelbagaikan lagi hasil kreativiti dengan menghasilkan pelbagai jenis produk seperti rak kasut, pelamin, kotak hantaran, set kerusi dan meja serta pelbagai jenis rak dan almari adalah langkah berani beliau dalam usaha untuk mengembangkan lagi perniagaannya.

Pada awalnya, beliau merasakan tindakan ini mungkin memakan diri kerana langsung tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang pertukangan kayu namun beliau sering membuat rujukan di internet sehingga mengenali ramai rakan dalam bidang yang sama.

"Kami kemudiannya bertukar-tukar pendapat dan tempat yang menjual kayu palet kerana selain memerlukan idea dan kreativiti tersendiri, bekalan kayu palet jenis pine ini penting agar saya tidak terputus bekalan kayu," katanya.

Menurut suami kepada Zaliha Mohamad, 45, bapa kepada empat anak itu juga sering mencuba idea baharu bagi memastikan produk yang dihasilkan

seiring dengan kehendak semasa selain turut mengambil tempahan mengikut reka bentuk yang disediakan pelanggan.

Katanya lagi, apa yang membezakan perabot kayu palet pine ini dengan perabot lain adalah urat kayu atau bunganya yang sangat unik serta cantik dan hanya perlu dilicinkan sebelum dicat menggunakan pewarna kayu.

Tahun lalu saya dan anak-anak pernah bersenggang mata sehingga tidak tidur malam semata-mata menyiapkan tempahan meja pelanggan kerana kedainya akan dikunjungi oleh Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled b Nordin.

"Setakat ini, produk yang banyak mendapat sambutan adalah kotak hantaran, pelamin, 'photobooth' serta set meja dan harganya pula sangat berpatutan bermula serendah RM30 hingga RM3,500 bergantung pada jenis bentuk, rekaan dan cita rasa pelanggan. Produk-produk ini semakin diminati dan mempunyai permintaan yang tinggi dari setiap negeri dan kebanyakan pelanggan beliau terdiri daripada golongan VIP. Ini kerana, produk beliau mempunyai bentuk dan rekaan yang tersendiri dan berjaya menambat hati pelanggan.

Pada tahun 2016, dengan keprihatinan pihak RISDA, agensi tersebut telah



OLEH : NURULHUDA BINTI ABU BAKAR AL-SIDEK, PEJABAT RISDA DAERAH SEGAMAT



BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan : Sallehuddin Bin Masri
 Nama & Alamat Syarikat : Salleh Pallet
 No. 1, Jalan Putra, Bandar Putra 1/57, 85000, Segamat, Johor.
 Nombor Telefon : 013 738 2011
 Penerima Bantuan Risda : Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) Tahun 2016
 Bidang Perusahaan : Perabot Kayu Berasaskan Ukiran Dan Palet
 Produk : Perabot Dan Hiasan
 Tahun Mula Projek : 2014
 Bilangan Pekerja : 4 Orang
 Pendapatan Tahunan : RM 80,000.00 - RM 90,000.00
 Pendapatan Bulanan : RM 7,000.00 - RM 8,000.00

menyalurkan bantuan sebanyak RM 20,000.00 berupa mesin dan peralatan melalui Program Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET). Dengan adanya bantuan seperti ini dapat memberi suntikan dan semangat baru kepada beliau untuk meningkatkan pengeluaran dan meluaskan lagi skop perniagaannya secara global.

Pada tahun 2016, beliau juga telah diiktiraf sebagai Usahawan Berjaya Peringkat RISDA Segamat. Segala usaha dan pengorbanan beliau selama ini tidak sia-sia dan telah menjadi kenyataan, seterusnya beliau mampu tersenyum lebar kerana berjaya meraih pendapatan sebanyak RM80,000.00 hingga RM90,000.00 setahun.

Harapan beliau agar perusahaannya ini dapat dikembangkan serta dapat menembusi pasaran dengan meluas lagi. Pastinya, pihak RISDA Daerah Segamat khususnya akan sentiasa bekerjasama dengan usahawan seperti beliau, dalam misi membentuk masyarakat pekebun kecil yang sejahtera dan berpendapatan tinggi seiring dengan matlamat RISDA.





Usahawantani Ikan INTAI SINAR KEJAYAAN

OLEH : NUR SHAIRAH BINTI MOHD SELAMAT, PEJABAT RISDA NEGERI MELAKA

En. Nor Azlan bin Salim, berusia 37 tahun yang berasal daripada Kg. Sungai Buloh, Alor Gajah Melaka telah menerima pendidikan formal sehingga tingkatan lima. Mula menceburi bidang ternakan ikan air tawar semenjak habis bangku sekolah pada tahun 1997 dengan menimba pengalaman melalui pekerjaan sambilan di projek kolam berkelompok kampung beliau. Bertitik tolak dari pengalaman itu, beliau gigih berusaha untuk membina kolam ikan sendiri dan berjaya sepenuhnya menjadi pengusaha berdikari pada tahun 2000. Menerima bantuan Tanam Semula Getah pada tahun 2013 daripada RISDA menjadikan beliau seorang pekebun kecil yang berjaya dengan aktiviti perniagaan yang diceburi bagi menambah pendapatan beliau

Dengan pendapatan sebanyak RM85,000.00 sebulan, Nor Azlan bin Salim muncul sebagai antara penternak dan pembekal ikan air tawar yang berjaya di Alor Gajah, Melaka, kini mampu tersenyum megah.

Pada usia yang muda ini, beliau telah menjadi contoh anak Melayu yang berjaya menjadikan ternakan ikan air tawar sebagai punca pendapatan lumayan, memecahkan dominasi bukan bumiputera dalam bidang itu.

Kejayaannya yang dikecapi pada hari ini bukanlah sesuatu yang mudah, banyak pahit getir dan cabaran yang terpaksa beliau hadapi. Hasilnya setelah bertahun, kini bau hanyir ikan yang melekat di tubuh

BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan	: Nor Azlan Bin Salim
Nama & Alamat Syarikat	: Nor Azlan Bin Salim SB 9 Kg. Sungai Buloh 78000 Alor Gajah, Melaka
Nombor Telefon	: 012 678 8660
Email	: Norazlansalim@gmail.com
Penerima Bantuan Risdan	: Tanam Semula Getah Tahun 2013
Bidang Perusahaan	: Ternakan Ikan Air Tawar / Trading
Produk	: Ikan Keli, Patin, Talapia (Ikan Segar)
Tahun Mula Projek	: 2000
Bilangan Pekerja	: 10 Orang (Tetap), 3 Orang (Sambilan)
Pendapatan Tahunan	: RM 1,000,020.00
Pendapatan Bulanan	: RM 85,000.00





15 tan sebulan bagi satu-satu spesis ikan tersebut.

Dengan bantuan sepuluh orang pekerja tetap dan tiga orang pekerja sambilan bagi menyelenggara kesemua kolam dan sangkar ikan, Nor Azlan juga mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada Jabatan Perikanan melalui kursus serta bantuan mata benda di peringkat awal pembabitan beliau seperti pam air, jaring dan tong. Sehingga kini beliau masih aktif menghadiri kursus-kursus anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang serta FAMA dan RISDA di dalam peluang pemasaran.

Nor Azlan kini bertekad untuk mempertingkatkan pemasaran ikan ternakannya terutama bagi menembusi beberapa pasaran di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sambil berharap ada pihak tertentu akan membantunya membesarkan empayar perniagaannya.

badannya menjadi lambang kejayaan sebagai anak Melayu yang berjaya dengan hasil pendapatan yang lumayan.

“Saya mula dengan hanya memiliki dua buah kolam ikan. Sekarang saya ada 12 kolam ikan [bertanah] termasuk beberapa buah kolam penyimpanan dan pembenihan ikan. Di samping itu, saya juga dalam proses untuk membina tempat memproses makanan ikan yang lebih bersistematik dan praktikal.

Kesemua kolam itu mengandungi pelbagai spesis ikan air tawar yang mempunyai pasaran tinggi seperti tilapia, patin dan keli yang mampu mengeluarkan hasil





KEJATUHAN HARGA GETAH BUKAN PENGHALANG

OLEH : NOR FAHMIZA BT ABDUL RAHMAN, PRN NEGERI SEMBILAN

Puan Noraznim binti Nordin merupakan salah seorang pengusaha depo di TSB Peradong yang mempunyai sifat daya saing yang tinggi dan membuatkan usahawan ini salah seorang pengusaha depo yang berjaya. Depo ini beroperasi dari pagi hingga petang dan hari jualan ke kilang adalah hari Ahad, Selasa dan Khamis iaitu 3 hari seminggu yang beralamat di Lot 3038, KM10, Kg Pergai, Peradong, 71600, Kuala Klawang, Jelevu, Negeri Sembilan.

Beliau mengumpulkan hasil jualan yang telah dihantar dari pekebun kecil yang menoreh di sekitar kawasan depo berkenaan

antaranya daripada Kg Kampai, Purundan Kg Pergai, Peradong itu sendiri. Purata jumlah pekebun kecil yang menghantar hasil getah mereka ke tempat Puan Noraznimini adalah sekitar 30-40 orang dan hasil berat yang paling tinggi yang pernah dicatat ialah pada tahun 2016 mencecah 50,000kg sebulan pada bulan Januari, Februari, Julai dan Oktober. Hasil getah yang berjaya dikumpulkan akan dihantar ke Kilang Titi untuk diproses.

Pada tahun 2016 merupakan tahun yang amat mencabar bagi semua pengusaha depo termasuk beliau dan tidak ketinggalan

juga kesan pada pekebun kecil / penoreh. Hal ini adalah disebabkan oleh kejatuhan harga getah sehingga mencatatkan RM1.60/kg dan menyebabkan pihak kerajaan khususnya RISDA di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah [KKLW] memutuskan untuk memberi bantuan kepada pekebun kecil yang menoreh ini agar dapat menampung kos sara hidup yang makin meningkat saban hari. Bantuan akibat kejatuhan harga getah atau BKKH 2016 ini yang berjumlah RM500/lot dapat memberi manfaat kepada seluruh pekebun kecil di Malaysia yang masih aktif dan bantuan ini secara 'one-off'.



Strategi pemasaran depo telah dirancang agar dapat meningkatkan lagi hasil dan pendapatan beliau antaranya adalah seperti;



BIODATA USAHAWAN
 Nama Usahawan : Noraznim Binti Nordin
 Nama & Alamat Syarikat : Lot 3038, Km10, Kg Pergai, Peradong, 71600 Kuala Klawang, Jelevu Negeri Sembilan
 Penerima Bantuan Risda : Pembinaan Depo 2013 (Rm 25,000)
 Bidang Perusahaan : Depo (Pusat Pengumpulan Getah Skrap)
 Produk : Getah Skrap
 Tahun Mula Projek : 2013
 Bilangan Pekerja : 4 Orang
 Pendapatan Tahunan : RM2,000,000.00 (2014)
 : RM1,149,450.00 (2016)
 Pendapatan Bulanan : RM95,787.50 (2016)

AGI IDUP, AGI NGELABAN

**[SELAGI ADA HAYAT,
SELAGI ITU TERUS BERJUANG]**



OLEH : AWG KU IZARUL LIZAM BIN AG ISA,
PRB SAMARAHAN

Tindakan nekad bersara awal dalam bidang pekerjaan kerja kira-kira 12 tahun yang lalu demi mencari rezeki yang lebih untuk menyara keluarga adalah satu pengorbanan yang sangat berharga bagi pemilik perniagaan peraih udang galah ini. Awangku Sapiee bin Pengiran Basar atau lebih mesra disapa Pakcik Awang di kalangan pelanggannya adalah nama yang tidak asing lagi di daerah Lundu, Sarawak.

Perkenalan beliau dengan seorang rakan yang menjual ikan di Pasar Ikan Lundu telah mencetuskan idea untuk beliau menceburi bidang ini. Memulakan perniagaan dengan modal RM500.00 dan menggunakan kolam yang diperbuat daripada papan lapis dan plastik adalah titik mula beliau dalam perniagaan ini. Demi mengembangkan lagi perniagaannya, beliau memberanikan diri untuk membuat pinjaman perniagaan daripada Amanah Ikhtiar Malaysia [AIM].

Bak kata pepatah "Langkah seterusnya bermula dengan langkah pertama", berkat doa dan kesabaran, Pekebun Kecil RISDA ini telah menerima bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan [AET] daripada pihak RISDA pada tahun 2015. Beliau bersyukur kerana dengan bantuan itu, beliau dapat mengubahsuaikan bengkel serta menambah bilangan kolam ternakan udang dan membeli peralatan untuk kegunaan perniagaan beliau.

"Agi Idup, Agi Ngelaban" cabaran demi cabaran yang beliau terima di awal pembabitannya tidak melemahkan semangat beliau dalam mengusahakan projek ini. "Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan" perniagaan yang beliau mulakan pada 1 Julai 2007 ini telah membuahkan hasil yang lumayan di mana beliau telah meraih pendapatan anggaran RM 16,000.00 - RM 23,000.00 sebulan.

Sebagai anak jati Lundu, beliau berbangga kerana telah dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat sekaligus meningkatkan taraf hidup mereka. Kini beliau mempunyai dua belas [12] orang pekerja yang akan bertugas menangkap udang di sungai, menjalankan kerja-kerja penggredan udang dan juga proses jual beli dengan pelanggan.

Selain jualan udang galah, beliau turut menjadi pembekal kepada perniagaan kolam pancing udang di Bandaraya Kuching setiap hari. Perniagaan udang beliau juga kini lebih dikenali bukan saja di Lundu malah di Kuching, Samarahan sehinggalah ke Semenanjung Malaysia.

Kini Pakcik Awang bersyukur, segala usaha dan pengorbanan beliau selama 10 tahun berkecimpung dalam perniagaan ini telah berjaya mengubah status kehidupan keluarganya. Semoga perniagaan Pakcik Awang ini terus berjaya dan dikenali hingga ke seluruh Malaysia

BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan	: Awangku Sapiee Bin Pengiran Basar
Nama & Alamat Syarikat	: No. 153, Kampung Stunggang Melayu, 94500 Lundu, Sarawak
Nombor Telefon	: 010-7717460
Penerima Bantuan Risda	: Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan Tahun 2015
Bidang Perusahaan	: Perkhidmatan (Peraih Dan Pembekal Udang Galah)
Produk	: Udang Galah
Tahun Mula Projek	: 2007
Bilangan Pekerja	: 12 Orang
Pendapatan Tahunan	: RM 210,000.00 (Kasar)
Pendapatan Bulanan	: RM 16,000.00 - RM 23,000.00



PRODUK BANTAL

Jana Pendapatan Lumayan

OLEH : MAZIAH BINTI YAHYA @ MANSOR, PEJBAT RISDA NEGERI PULAU PINANG



Pepatah Melayu ada mengatakan “Kalau Tidak Dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya”. Ini terbukti apabila perniagaan pembuatan bantal dan tilam yang dipandang sebelah mata oleh kebanyakan masyarakat kini telah genap 30 tahun beroperasi di Tapak Industri IKS PERDA, Kubang Menerung Pulau Pinang.

Usahawan jaya En Hazizi Md Rashid yang berusia 36 tahun merupakan anak pekebun kecil kini boleh merasa bangga dengan pencapaian ini. Beliau telah didedahkan dengan dunia perniagaan seawal umur 10 tahun serta banyak membantu operasi perniagaan yang diusahakan oleh kedua ibu bapa beliau semenjak tahun 1987. Setelah tamat pengajian pada tahun 2002, beliau telah mengambil alih perniagaan syarikat R.Ulong Sdn Bhd bersama-sama adik lelakinya Hezwan bin Md Rashid, 34 tahun. Dengan berbekalkan sedikit pengalaman serta tunjuk ajar daripada kedua ibu bapanya, beliau telah berjaya membawa perniagaan pembuatan bantal dan tilam ke peringkat yang lebih tinggi menerusi pengembangan dalam operasi pengilangan serta aktiviti pemasaran.

Produk keluaran syarikat R.Ulong Sdn Bhd hari ini dikeluarkan oleh tiga kilang berasingan iaitu di kilang Induk di Pulau Pinang, kilang di Batu Bertangkup, Perlis dan kilang kerjasama dengan kerajaan Thailand di Wilayah Yala, Thailand. Hasil keluaran ketiga-tiga kilang dipasarkan secara meluas di dalam pasaran tempatan dan juga dieksport ke luar



BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan : Hazizi Bin Md Rashid
 Nama & Alamat Syarika : R. Ulong Sdn Bhd
 Lot 4399-4407 Tapak Perindustrian Ringan Perda, Kubang Menerung, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang
 Nombor Telefon : 04 573 1992 / 017 438 9198
 Email : Hazizirashid@Gmail.Com
 Penerima Bantuan Risda : Perlantikan Sebagai Usahawan Tunjang Rissmart Pulau Pinang Dan Perlantikan Sebagai Event Manager Risdafest Penang
 Bidang Perusahaan : Pembuatan
 Produk : Bantal
 Tahun mula projek : 1987
 Bilangan pekerja : 120 orang
 Pendapatan tahunan : RM 5 juta
 Pendapatan bulanan : RM 400,000.00



negara iaitu negara Thailand, Vietnam dan Cambodia.

Konsep outlet “Kedai Bantal R.Ulong” telah diguna pakai sebagai strategi pemasaran serta kempen mewujudkan ejen-ejen kecil di seluruh negara dengan meletakkan sasaran sebanyak 10,000 orang ejen menjelang tahun 2025. Pada tahun ini, lima usahawan RISDA telah dipilih untuk menjalankan “Program Pembangunan Vendor Pemasaran Bantal” di mana kesemua usahawan ini akan menggerakkan operasi pemasaran produk bantal dan tilam menggunakan lori bergerak di seluruh Malaysia. Syarikat R.Ulong menyasarkan sebanyak 50 usahawan akan terlibat dalam tempoh dua tahun akan datang.



Syarikat R.Ulong Sdn Bhd sangat komited dalam melaksanakan strategi bagi mencapai wawasan syarikat iaitu “Pengilang Bantal Terbesar Di Asia” dalam tempoh lima tahun. Pelbagai usaha telah dibuat bagi merealisasikan wawasan tersebut dan dengan sokongan kerajaan khususnya RISDA dalam membangunkan usahawan bumiputera, InshaAllah ianya akan dapat dicapai dalam tempoh yang dijangkakan.



PRODUK KELUARAN



NAMA USAHAWAN
NOR IDAWATI BINTI MAT ISA
NAMA SYARIKAT
PROFIT MAKMUR ENTERPRISE
PRODUK
HERBOOST 250ML



NAMA USAHAWAN
SYARIFAH MURNI BINTI KASIM @ MUSA
NAMA SYARIKAT
PERNIAGAAN FAJAR MENYINSING
PRODUK
KOPI O 2 IN 1




NAMA USAHAWAN
SYARIFAH MURNI BINTI KASIM @ MUSA
NAMA SYARIKAT
PERNIAGAAN FAJAR MENYINSING
PRODUK
WHITE COFFEE



NAMA USAHAWAN
SYARIFAH MURNI BINTI KASIM @ MUSA
NAMA SYARIKAT
PERNIAGAAN FAJAR MENYINSING
PRODUK
SERBUK KOPI CAMPURAN



NAMA USAHAWAN
NAZHA BINTI HASHIM
NAMA SYARIKAT
NAZHA ENTERPRISE
PRODUK
REMPAH RATUS MASAKAN



NAMA USAHAWAN
NORAINI COOKIES
NAMA SYARIKAT
NORAINI COOKIES
PRODUK
BISKUT COKLAT OAT / ROTI KERING
MARJERIN ANI



NAMA USAHAWAN
HALIMAH BINTI HARUN
NAMA SYARIKAT
KUIH KAPIT WAFI
PRODUK
KUIH KAPIT



NAMA USAHAWAN
ZURAIHAH BINTI ABD. KADIR
NAMA SYARIKAT
CHE DAH CORNER
PRODUK
BAWANG GORENG DARA SEKURUN



NAMA USAHAWAN
KARTINAH BINTI MD AMID
NAMA SYARIKAT
TINA DELICIOUS
PRODUK
BATANG BURUK



NAMA USAHAWAN
BASARIAH BINTI CHE ROS
NAMA SYARIKAT
CHINTA MAJU ENTERPRISE
PRODUK
JERUK REBUNG MADU A'LEEL



NAMA USAHAWAN
CHE AZMAN BIN CHE MANSHOR
NAMA SYARIKAT
MADU KELULUT TRIGONA TRADING
PRODUK
MADU KELULUT MKT



NAMA USAHAWAN
JURINA BINTI JAAFAR
NAMA SYARIKAT
IADZ ENTERPRISE
PRODUK
BAHULU

USAHAWAN RISDA



NAMA USAHAWAN
RIDZWAH BT. MOHAMAD HANAFIAH
NAMA SYARIKAT
ANAK CEKAL ENT
PRODUK
SERUNDING



NAMA USAHAWAN
MARIA BINTI MURAD
NAMA SYARIKAT
MARIA BINTI MURAD
PRODUK
KUIH SIPUT EPAH



NAMA USAHAWAN
MOHD ZAMRI BIN IDRIS
NAMA SYARIKAT
PERUSAHAAN AL-KHALIFAH
PRODUK
DARK CHOCOLATE



NAMA USAHAWAN
SITI ROHANA BTE AHMAD
NAMA SYARIKAT
CT VILLAGE ENT
PRODUK
TEPUNG GORENG SERBAGUNA



NAMA USAHAWAN
MOHD. AMIN BIN ABD. RAHIM
NAMA SYARIKAT
MIN MIETA ENTERPRISE
PRODUK
KUIH LOYANG NEKNI



NAMA USAHAWAN
SAHABUDIN BIN HUSAIN
NAMA SYARIKAT
SW KASIH ENTERPRISE
PRODUK
POPIA SIMPUL KASIH



NAMA USAHAWAN
WAHEDAH BT AB RAHMAN
NAMA SYARIKAT
WAHEDAH MAJU ENTERPRISE
PRODUK
REMPEYEK EIDAA CRIZPIZ



NAMA USAHAWAN
ROHAYA BINTI CHE ABU BAKAR
NAMA SYARIKAT
MTC ADVANCE MARKETING SDN. BHD.
PRODUK
POLYFLORAL HONEY 350G



NAMA USAHAWAN
ZAHARAH BINTI HASHIM
NAMA SYARIKAT
GEMILANG SEMBILANG ENTERPRISE
PRODUK
KUIH LOYANG



NAMA USAHAWAN
ZAHARAH BINTI HASHIM
NAMA SYARIKAT
GEMILANG SEMBILANG ENTERPRISE
PRODUK
KUIH LOYANG



NAMA USAHAWAN
NUR FARAH NABILLA BINTI MOHD NORDIN
NAMA SYARIKAT
ARABELLA DIANI ENT
PRODUK
PRODUK KECANTIKAN BERASASKAN MADU KELULUT



NAMA USAHAWAN
FAIZAL BIN FAIZ
NAMA SYARIKAT
WARISAN NISMILAN FOOD
PRODUK
PERENCAH MAKANAN/PES

Nur Ruhayu bt Mohamed, 44 tahun adalah Pengarah Urusan Puchong Perdana yang merupakan syarikat 100% milikan bumiputera yang mula beroperasi pada 30 Julai 1999 di Maran, Pahang Darul Makmur. Syarikat ini merupakan usaha di antara beliau bersama suami dan bapa saudara dengan modal permulaan sebanyak RM 5000.00 dan kini perniagaan beliau mampu memperolehi pendapatan kasar mencecah RM 30 juta. Fokus utama perniagaan syarikat ini adalah membekal baja, racun rumpai dan peralatan pertanian. Syarikat ini bekerjasama dengan sebuah kilang pemrosesan baja yang beroperasi di Pelabuhan Klang. Bekalan mentah untuk menghasilkan produk kebanyakannya diimport dari negara luar seperti Egypt, Rusia, Jerman dan China. Menurut beliau, bagi menghasilkan produk yang bermutu tinggi beliau sendiri yang akan pergi ke luar Negara untuk memastikan barang mentah yang dibeli adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Bermula dengan berniaga secara kecil-kecilan dari rumah, tahun demi tahun perniagaan beliau bertambah maju dengan berkat kesungguhan dan minat yang mendalam dalam bidang perniagaan. Setelah hampir 16 tahun berkecimpung dalam industri perniagaan, syarikat ini masih lagi aktif menjalankan perniagaan membekal baja kepada agensi kerajaan seperti RISDA, LKPP Negeri Pahang, Jabatan Pertanian, Felcra dan pekebun-pekebun kecil sekitar. Puan Nur Ruhayu

BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan : Nur Ruhayu Binti Mohamed
 Nama & Alamat Syarikat : Puchong Perdana Enterprise
 No. C27, Pekan Awah, Jalan Maran,
 28030 Temerloh Pahang.
 Nombor Telefon : 09-2987204 / 019-9338818
 Penerima Bantuan Risda :
 Bidang Perusahaan : Perkhidmatan
 Produk : Membekal Baja, Racun Rumpai dan
 Peralatan Pertanian
 Tahun Mula Projek : 1999
 Bilangan Pekerja : 40 Orang
 Pendapatan Tahunan : RM 60 Juta
 Pendapatan Bulanan : RM 5,000,000.00

telah melebarkan sayapnya dengan membuka tiga buah lagi syarikat iaitu Puchong Agriculture Sdn. Bhd, Puchong Perdana Plantation dan Puchong Agro Chemical. Tidak berhenti setakat itu sahaja, beliau juga menceburkan diri dalam bidang catering bermula tahun 2011 sehingga kini dan membuka sebuah lagi syarikat iaitu Puchong Food And Catering. Bagi melancarkan perjalanan perniagaan syarikat-syarikatnya, beliau telah menggaji seramai 40 orang pekerja yang terdiri daripada penduduk tempatan di mana beliau membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Menurut Puan Nur Ruhayu, walaupun pada mulanya agak sukar untuk mendapatkan pasaran bagi membekalkan baja kepada agensi-agensi kerajaan





PELOPOR TEKNOLOGI BARU untuk **PERTANIAN MODEN**

OLEH : ROSNIZA BT ABD RAZAK, PEJABAT RISDA DAERAH MARAN

memandangkan terlalu banyak persaingan daripada syarikat-syarikat lain yang lebih besar, namun ia tidak langsung mematahkan semangat beliau untuk meneruskan perniagaan ini. Malah beliau yakin bahawa keputusan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan adalah satu tindakan yang tepat kerana bidang ini mempunyai potensi besar untuk dikembangkan. Terkini, beliau sedang giat mempromosikan produk keluaran syarikatnya sendiri iaitu N-Touch Biotech yang mampu membasmi rumpai dan menyuburkan tanaman. Sejalan dengan matlamat utama syarikat ini iaitu untuk menjadi pelopor teknologi baru pertanian moden, kajian demi kajian dilakukan untuk menghasilkan satu produk yang bermutu tinggi disamping menjimatkan kos pengguna.

Walaupun tidak pernah mendapat bantuan daripada mana-mana agensi kerajaan, Puan Nur Ruhayu merancang untuk memiliki kilang memproses baja sendiri di masa hadapan dan menjadi pengeluar baja bumiputera yang kompetitif serta mampu bersaing dalam industri pembekalan baja Negara di samping dapat membuka peluang kepada usahawan - usahawan lain untuk menjadi pengedar baja dalam skala yang besar. Selain itu, beliau juga merancang untuk membuka kilang memproses santan kelapa. Beliau mahu membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada bumiputera lain yang berminat untuk berjaya seperti beliau. 'Siapa Berusaha Pasti Berjaya' itulah kata-kata terakhir beliau sebelum mengakhiri perbualan kami.





BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan : Dato' Johari Bin Kadir
Nama & Alamat Syarikat : Panggas Holdings Sdn. Bhd.
No. 12, Tingkat Atas,
Taman Pengkalan Indah,
Jalan Pengkalan Asam,
01000 Kangar, Perlis.
Nombor Telefon : 04 977 7999 / 04 979 9999
Penerima Bantuan Risda :
Bidang Perusahaan : Perkhidmatan Makanan Dan
Pembersihan Kawasan.
Produk : Katering, Restoran, Khidmat
Pembersihan Kawasan.
Tahun Mula Projek : 1995
Bilangan Pekerja : 40 Orang
Pendapatan Tahunan : RM 4,500,000.00
Pendapatan Bulanan : RM 375,000.00

RAJIN DAN USAHA BAWA KEJAYAAN

OLEH : MOHAMAD AMMIR AKMA BIN MOHAMAD KUSAZMAN , PEJABAT RISDA NEGERI PERLIS

'Usaha Tangga Kejayaan', itulah satu ungkapan pujangga yang sering kita dengar sehingga sekarang. Namun, ia dapat dibuktikan oleh seorang anak pekebun kecil bahawa kita semua mampu berjaya dengan usaha dan semangat jitu yang tidak pernah padam dalam diri beliau.

Dato' Johari bin Kadir, anak jati Perlis datang daripada keluarga yang tidak berkemampuan. Namun, atas usahanya untuk mengubah nasib diri dan keluarga, beliau telah berjaya menjadi usahawan yang berjaya dan dikenali bukan sahaja di Negeri Perlis, malah hampir seluruh pelusuk Semenanjung tanah air.

"Kita memang orang susah tapi kita kena rajin dan usaha, barulah kita dapat berjaya dalam hidup."

Selepas tamat pengajian daripada Institut Kemahiran Belia Negara, beliau

telah menceburi bidang peladangan pada 1983 apabila berjaya memperoleh kontrak daripada Perlis Plantation untuk menuai hasil tebu. Beliau berjaya dalam bidang ini dengan mempunyai 480 orang pekerja dan 17 buah traktor.

Pada tahun 1987, beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Perlis sehingga tahun 1988. Atas usaha gigih beliau pada ketika itu, beliau dianugerahkan Anugerah Peladang Jaya Negeri Perlis pada 1993.

Pada tahun 1995, beliau mula berubah angin dengan menceburi bidang makanan dan pembersihan kawasan.

"Pada ketika itu, saya fikir jika saya tidak beralih kepada bidang lain, kemungkinan besar saya pun akan turut jatuh sama pada Krisis Kewangan 1997." ujar beliau. Beliau bermula dengan perkhidmatan katering untuk dewan makan sekolah dan institusi pendidikan lain seperti Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) serta beberapa institusi dan jabatan kerajaan sekitar negeri Perlis. Beliau juga telah mempunyai sebuah restoran di Perlis.

Sehingga kini, beliau tidak putus-putus menerima permintaan katering dan pembersihan kawasan bukan sahaja di Perlis malah sehingga ke selatan tanah air. Bahkan beliau juga mendapat pujian daripada beberapa jabatan kerajaan mengenai mutu perkhidmatan beliau.

Panggas Holdings Sdn. Bhd. yang dimiliki beliau juga telah mempunyai sebanyak 11 buah anak syarikat dengan bidang-bidang berkaitan dengan servis katering, pembersihan kawasan serta beberapa bidang lain yang berpotensi tinggi.

"Peluang yang ada itu kita manfaatkan sebab peluang kerana ia tidak akan datang berkali-kali. Jadi kena rajin rebut peluang yang ada di depan kita." ujar beliau lagi.

Bapa kepada 5 orang anak ini juga bergiat aktif dalam sukan golf dan selalu meluangkan masa bersama-sama keluarga dengan bermain golf. Beliau juga aktif membantu masyarakat sebagai AJK Bahagian UMNO Bahagian Padang Besar.

"Saya dan keluarga selalu main golf sebab itu salah satu cara meluangkan masa dengan keluarga. Semua anak-anak dan menantu saya memang minat main golf, petang-petang semua dah kat padang golf."

Beliau telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Indera Mahkota Pahang [D.I.M.P] yang membawa gelaran Dato' daripada Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah.

Beliau juga berpesan kepada para pekebun kecil agar sentiasa jujur dan amanah jika ingin menceburi bidang keusahawanan.



"Solat dan doa jangan pernah tinggal. Jangan kita amalkan sistem 'Majikan dan Pekerja', saya bawa rezeki [kerja] yang Allah kurniakan kepada saya untuk saya dan pekerja saya buat bersama-sama. Barulah kita sama-sama mendapat hasil dan kepuasan dalam melakukan kerja."



BUKAN MUDAH UNTUK BERJAYA



OLEH : MOHAMAD AMMIR AKMA BIN MOHAMAD KUSAZMAN, PEJABAT RISDA NEGERI PERLIS

Bukan mudah untuk berjaya dalam bidang pemasaran getah. Namun berkat usaha gigih dan semangat yang jitu daripada seorang pekebun kecil berasal daripada Bumi Harumanis, Haji Ali bin Ishak telah membuktikan bahawa anak tempatan juga mampu untuk menjadi usahawan pemasaran getah yang berjaya.

"Dulu kita asyik memotong [getah] saja. Tapi lepas balik daripada Mekah, saya mula terfikir kalau orang lain boleh buat, kenapa kita tak boleh buat?" ujar beliau.

Bapa kepada 6 orang anak ini mula menceburi bidang pemasaran getah pada tahun 1991 secara kecil-kecilan. Namun, beliau terpaksa mengharungi pelbagai cabaran untuk berjaya dalam bidang berkenaan.

"Dulu bukan senang. Kita pun kena jual ikut harga pasaran. Kadang-kadang kita pun tak boleh ambil untung lebih. Itu pun sebab pekebun-pekebun kecil pun lebih susah daripada kita dengan harga rendah dan tak menentu" terang beliau lagi.

Pegawai Lapangan RISDA Mukim Padang Siding, Muhamad Al Hafiz bin Ahmad Amran An amat mengagumi usaha dan semangat yang ditunjukkan oleh Haji Ali bin Ishak.

"Beliau memang mempunyai semangat yang patut dicontohi oleh para usahawan RISDA yang lain kerana walaupun pelbagai cabaran terpaksa diharungi, beliau tetap tabah dan terus berusaha sehingga berjaya." kata beliau lagi.





Disamping pemasaran getah, insan yang berusia 65 tahun ini juga telah menceburi pelbagai bidang termasuklah ternakan kambing, penghasilan madu kelulut dan cendawan. Beliau juga dibantu oleh tiga orang anak yang berminat untuk menceburi bidang pertanian dan penternakan.

"Kudrat kita dah mula kurang. Jadi kita pun minta anak-anak kita bantu kita pula. Lagipun, ini untuk memudahkan mereka pada masa depan". ujar beliau lagi.

Beliau yang juga gemar memancing pada masa lapang, berpesan kepada para usahawan RISDA agar sentiasa berusaha dan tidak pernah berputus asa dalam meneruskan perniagaan masing-masing.

"Kena ada usaha yang berterusan dan jangan putus asa, Insha Allah segala usaha yang kita dah berikan akan mendapat hasil yang lumayan kerana bukan senang nak berjaya" pesan beliau lagi mengakhiri perbualan.



BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan	: Haji Ali Bin Ishak
Nama & Alamat Syarikat	: Haji Ali Bin Ishak Kampung Paya Burma, Kok Klang Mata Ayer, 02500 Arau, Perlis.
Nombor Telefon	: 013 488 4155
Penerima Bantuan Risdar	:
Bidang Perusahaan	: Pemasaran Getah, Perladangan Dan Ternakan
Produk	: Getah
Tahun Mula Projek	: 1991
Bilangan Pekerja	: 5 Orang
Pendapatan Tahunan	: RM 1,000,000.00
Pendapatan Bulanan	: RM 84,000.00





SEORANG USAHAWAN WANITA YANG CEKAL... TANPA MENGIRA PENAT & LELAH....



Berbekalkan modal sendiri atas sokongan keluarga sebanyak RM 60,000.00 sumber daripada “berdikit-dikit, lama-lama jadi bukit” tanpa membuat pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan untuk membeli input pertanian bagi memulakan perniagaan sejak 4 tahun yang lalu [2013-hingga sekarang].

Semangat dan kegigihan bimbingan bapa, anak pekebun kecil RISDA ini dapat memulakan perniagaannya. Setakat hari ini beliau mengusahakan perniagaan secara bersendirian.

Setelah tamat pengajiannya dan memperoleh segulung ijazah, beliau telah mengambil keputusan untuk memulakan perniagaan membeli input pertanian disebabkan minat yang begitu mendalam.

Antara input pertanian yang dijual adalah seperti baja MPOB F1, MPOB F5, CHB 44 manakala racun adalah seperti Farmfosate 41, Ecomax, Farmpol 303, Furdan, Ally 20DF. Selain itu, beliau juga menjual kereta sorong, sarung tangan, kasut but, kawat duri, parang, peralatan menuai buah sawit dan sebagainya.

Di antara pembekal barang-barang input pertanian beliau adalah seperti Heap Soon Hardware Machinery Sdn. Bhd.



BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan : Nurnadiah Bt Hj Mat Jailani
 Nama & Alamat Syarikat : Zilani Enterprise
 No 4&6,
 Simpang Empat Kg, Sungai Lesong,
 31950 Air Kuning, Tapah, Perak.
 Nombor Telefon : 013 449 8191
 Email : alongnad@yahoo.com
 Ahli Kelab Riset : Ya
 Bidang Perusahaan : Perkhidmatan
 Produk : Menjual Baja, Racun, Dan
 Peralatan Pertanian
 Tahun Mula Projek : 2013
 Bilangan Pekerja :
 Pendapatan Tahunan : RM 240,000.00
 Pendapatan Bulanan : RM 20,000.00

OLEH : ROSZAIDA BINTI SALAMAN,
 PEJABAT RISDA DAERAH BATANG PADANG/HILIR PERAK



[Teluk Intan], Kin Hoo Trading [Ipoh], dan Global Green Grow Corporation Sdn. Bhd. [Selangor].

Menurut beliau, ketika baru memulakan perniagaan, pasaran hanya tertumpu kepada penduduk sekitar Air Kuning dan Tapah Road sahaja. Kini, perniagaan beliau telah selangkah menuju ke hadapan dengan meluaskan pasaran kepada petani dan peladang daripada Gopeng dan Bidor.

Difahamkan dalam seminggu, seramai 10-15 orang yang akan datang membeli input pertanian di kedai beliau.

Perancangan beliau pada masa hadapan adalah berusaha untuk memperluaskan pasaran kepada petani dan peladang khususnya koperasi-koperasi yang mengusahakan bidang ekonomi pertanian terutama bagi tanaman sawit dan aktiviti akuakultur sekitar Daerah Batang Padang/Hilir Perak dan luar daerah.

Harapan beliau agar perniagaannya akan terus berkembang maju dan dikenali oleh ramai orang. Bagi beliau, perancangan awal adalah penting untuk merealisasikan sebuah perniagaan yang berdaya maju. Beliau juga memberitahu bahawa kesabaran dalam melayan kerenah pelanggan dan mesra pelanggan adalah kunci kejayaan beliau sehingga hari ini.

Rezeki Melimpah

SETELAH BERSARA DARIPADA TENTERA



OLEH : NOR HAZA BINTI SHAHRUDIN,
PEJABAT RISDA DAERAH KUALA KANGSAR



Tahun 2000 telah menjadi titik tolak dalam kehidupan Tuan Haji Syed Asita bin Haji Syed Osman di mana beliau telah mengambil keputusan menceburi bidang kontraktor kelas F, selepas bersara dari tentera, di usia 38 tahun. Bermodalkan RM50,000.00, beliau telah mendaftar sebagai seorang kontraktor kelas F yang menjalankan kerja-kerja baik pulih klinik-klinik kesihatan dan baik pulih bangunan-bangunan kerajaan.

Pada tahun 2006 hingga 20015, beliau telah mendapat tender projek pembersihan kawasan dan bangunan di sekolah-sekolah Negeri Perak di daerah Kuala Kangsar. Sewaktu menjalankan projek ini, bilangan pekerja beliau adalah seramai 47 orang di mana gaji dibayar secara tetap setiap bulan. Pembayaran untuk gaji pekerja beliau adalah berjumlah RM32,000.00 sebulan untuk tempoh 2006 hingga 2015.

BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan : Haji Syed Asita Bin Haji Syed Osman
 Nama & Alamat Syarikat : Permata Asita Enterprise
 No.12, Kg.Labu Kubong,
 Lubok Merbau, 33010 Kuala Kangsar,
 Perak
 Nombor Telefon : 012 496 1317 / 05 777 7149
 Email : anissyahirah93@Gmail.Com
 Ahli Kelab Risec : Ya
 Bidang Perusahaan : Perkhidmatan
 Produk : Kontraktor Kelas F
 Tahun Mula Projek : 2000
 Bilangan Pekerja : 18 Orang
 Pendapatan Tahunan : RM 450,000.00
 Pendapatan Bulanan : RM 37,500.00





Kini beliau meneruskan usaha menjalankan pembinaan rumah-rumah mesra rakyat dan menaik taraf jalan di kampung-kampung di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [KKLW]. Sekarang ini, pekerja beliau seramai 18 orang sahaja dan dibayar gaji mengikut kepakaran. Pendapatan tahunan di dalam bidang yang diceburinya telah mencapai RM450,000.00. manakala pendapatan bulanan pula puratanya RM37,500.00 sebulan.

Di masa depan, beliau berhasrat untuk mengikuti kursus catering anjuran RISDA. Beliau bercita-cita untuk meluaskan perniagaannya. Baginya, dengan wujudnya catering beliau ini akan dapat memberi pekerjaan kepada penduduk setempat.

Disamping itu juga, beliau telah pun menghantar anak beliau yang ketiga iaitu Syed Mohd Aqib yang berusia 18 tahun mengikuti kursus di Institut Kemahiran Mara [IKM] Lumut di dalam bidang pengkhususan Bekalan Air dan Pembentungan. Bidang ini akan memudahkan anak beliau untuk meneruskan delegasi ayahnya sebagai seorang kontraktor yang berjaya.





Lensa Usahawan
Bahagian Pembangunan Usahawan
 Tingkat 3, Bangunan RISDA KM 7,
 Jalan Ampang, Karung Berkunci 11067, 50990 Kuala Lumpur
 Tel : 03- 4256 4022 Faks: 03-4256 7944
 Email: usahawan@risda.gov.my
 www.risda.gov.my